

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Menurut berita Straits Times, seorang Tengku, bernama Tengku Muhyiddin berumur 32 tahun yang telah dihukum kerana melanggar undang-undang Islam dengan menghisap rokok dan minum di hadapan umum pada bulan puasa dikatakan telah memberi pengakuan bahawa ia adalah seorang “free thinker” – tidak memeluk apa-apa agama pun. Pengakuan yang berterang-terang begini, menurut pengertian Islam, adalah menunjukkan Tengku itu seorang yang murtad. Hal-hal ini patutlah diperhati oleh ahli-ahli agama – terutamanya ulama-ulama – bahawa ada di dalam negeri kita yang dikatakan orang-orang Melayu beragama Islam sudah banyak orang seperti Tengku Muhyiddin itu. Apa kata ulama-ulama kita sekarang? Apa ini tidakkah satu tanggungjawab mereka yang besar?

* * *

Pada pertengahan bulan Mei Presiden Sukarno dengan rombongannya telah singgah di Singapura dalam perjalanannya menuju ke Amerika. Pemergiannya ke Amerika itu adalah dengan jemputan kerajaan Amerika. Kerajaan Amerika menjemput seramai 14 orang rombongan itu tetapi Presiden Sukarno menghendaki lebih ramai orang dan kerana itu rombongan itu mengandungi 36 orang. Termasuk seorang anaknya iaitu 22 orang tambahan lagi. Siapa yang memberi belanja mereka? Menurut surat khabar-surat khabar Indonesia kerajaan Indonesia terpaksa berbelanja 6,500,000 Rupiah (enam milion setengah) daripada perbendaharaan kerajaan. Setengah-setengah orang bertanya apakah tidak lebih baik wang sebanyak itu diuntukkan kerana pembangunan negara? Tukaran wang rasmi kerana ini lebih kurang \$650,000 Amerika iaitu lebih daripada dua

milion Ringgit Malaya. Hidup Bung!

* * *

Menurut berita U.P. yang disiarkan oleh Utusan Melayu bahawa Presiden Sukarno yang sedang melawat Amerika Syarikat dikatakan telah membaca doa di hadapan makam George Washington seorang pejuang kemerdekaan Amerika. Perkara membaca doa untuk seorang yang bukan Islam itu bukanlah satu perkara baharu yang tidak diketahui oleh orang-orang kita tentang hukum-hukumnya, yang demikian apa lagi dilakukan oleh seorang presiden yang telah pergi haji pula – sudah tentulah berita itu tidak berapa digemari dan diredhai oleh orang-orang Islam. Kalau demikian keadaannya benarlah seperti apa yang dikatakan oleh majalah “Pembela Islam” bilangan 3 yang mengatakan kerana keahliannya Presiden Sukarno berpidato, hari ini satu benda yang dikatakan hitam, besok dalam pidotanya ia boleh mengatakan barang itu pula menjadi putih.

* * *

Sedikit masa yang lalu tersiar satu berita yang mengatakan Tengku Abdul Rahman dengan bersulit-sulit telah datang ke Singapura kemudian mengadakan rundingan sulit pula dengan pemimpin-pemimpin UMNO di Singapura yang telah diadakan di rumah Encik Abdul Hamid Jumat. Dalam perjumpaan itu rumah Encik Abdul Hamid Jumat dikawal keras oleh pemuda-pemuda dan tidak ada seorang pun wartawan yang dibenarkan masuk ke sana. Yang demikian apa lagi orang lain. Dengan kerana bersulit-sulit itu banyak orang tertanya-tanya apakah perkara yang penting yang dirahsiakan oleh Tengku dalam perundingan itu. Kita mendapat tahu dari punca-punca



Syarifah Sheikhah J.P. sedang memberi ucapan dalam ihtifal Madrasah Mashoor al-Islamiyyah li al-Banāt di Pulau Pinang.

* * *

Yang boleh dipercayai mengatakan bahawa Tengku tidak senang hati dengan siaran-siaran akhbar yang menghidupkan perkara yang mengenai jus soli, dikatakan juga bahawa Tengku berpendapat sekiranya tidak kerana takutkan dunia luar gempar harus beliau akan menahan akhbar-akhbar itu dibawa masuk ke Persekutuan Tanah Melayu tetapi yang demikian tidak akan dilakukannya, ia hanya akan meminta kerajaan Singapura menasihati akhbar-akhbar tempatan supaya jangan membesar-besarkan perkara jus soli itu.

Orang ramai harus akan teringat kepada sejarah lama bahawa apa-apa kritik atau seumpamanya tidak senang diterima oleh pemimpin-pemimpin kita dan yang demikian itu terbukti “riwayat” lama kepada pembakaran Qalam dan Warta dahulu. Kita akan melihat nanti satu sahaja iaitu apakah majalah “kritik” yang bakal diterbitkan oleh Datuk Onn itu berani mengkritik dengan terang? Apakah pula orang yang dikritik (pihak Tengku) akan menahan atau membakar pula

majalah itu kerana mengeluarkan kritik-kritiknya yang harus pedas? Marilah sama-sama kita lihat hal-hal yang demikian.

* * *

Tuan Tan Siew Sin anak kepada Sir Cheng Lock Tan seorang kuat ahli Perikatan di dalam kenyataannya yang disiarkan oleh akhbar Melayu tempatan menyatakan bahawa perkara yang berlaku disekeliling masalah jus soli yang disiarkan oleh akhbar-akhbar yang menyatakan ia banyak mengambil bahagian dalam perkara itu adalah tidak benar. Kenyataan ini dipandang sebagai kenyataan lidah tidak bertulang. Orang-orang mendengar dan melihat perjumpaan jus soli di Melaka dan berbagai-bagai tempat lagi. Pada masa itu tidak ada sedikit pun penafian yang disiarkan tetapi sesudah perkara itu merebak dan pihak pemimpin-pemimpin UMNO pula menentang dengan memberi siaran kepada setiap cabangnya supaya menyalurkan fikiran-fikiran tentang itu terus ke ibu pejabat. Terang dan nyata ada pertaliannya dengan Tuan Tan Siew Sin – terangnya dengan ahli-ahli orang Cina di dalam Perikatan. Kalau telahan ini benar maka nyatalah perkara jus soli itu sedang ada di dalam rundingan sulit di antara Tengku dengan orang-orang M. C. A. apakah nanti perkara itu kesudahannya orang ramai tidak akan tahu. Harus hanya akan ada suatu motion yang dibawa ke dalam majlis mesyuarat federal di dalam mana nanti pucuk pimpinan UMNO akan memaksa atau memerintahkan ahli UMNO di situ meluluskan atau mengundi masuk sekali pun ia tidak bersetuju dengan motion itu seperti yang telah berlaku di dalam persidangan yang menetapkan penyata pelajaran yang baharu yang dihadapkan oleh Menteri Pelajaran.

Wakil-wakil yang terikut di dalam Perikatan diperintahkan supaya mengundi kelulusan undang-undang pelajaran itu sekali pun mereka dibenarkan membahaskannya sedikit.

Di dalam pembahasan yang berlaku di majlis mesyuarat federal baharu-baharu ini mengenai dasar pelajaran yang dibawa oleh Menteri Pelajaran, Datuk Abdul Razak, banyak orang telah membahas perkara itu dengan panjang lebar, menunjukkan perasaan-perasaan tidak puas hati dengan dasar pelajaran bahawa yang dibawa oleh datuk Razak itu. Hal yang sangat-sangat tidak diperkenani mereka ialah meluluskan bahasa-bahasa asing lebih berpengaruh daripada yang ada.

Di antara orang-orang yang kembang membantah itu ialah Encik Ibrahim Fakri wakil Perikatan dari Kedah. Dr Ismail tatkala mengulas atau membidas hujah-hujah orang dikatakan telah mengatakan bahawa kalau tidak memberi peluang kepada kelulusan bahasa-bahasa asing itu maka bermakna kita menghidupkan Malaya Imperialis (Penjajahan Melayu) kepada bahasa-bahasa asing. Orang-orang tentulah hairan bagaimana seorang Melayu yang telah duduk di dalam kerajaan boleh menuduh suatu tuntutan hak orang Melayu itu sebagai tuntutan penjajahan kepada orang lain. Terang dan nyata bahawa yang dituntut mereka ialah hak mereka, hak orang Melayu. Apa pula dimaknakan tuntutan itu menghidupkan penjajahan Melayu?

Orang ramai tentulah mengerti bahawa kejayaan Perikatan (UMNO) di dalam pilihan raya yang lepas adalah kerana “telah menerima budi” dari orang asing dan kerana itulah orang-orang berpendapat apa jua yang mengenai kemelayuan itu tidak akan diberikan dan diberikan sentiasa untuk maslahat-maslahat orang lain. Dengan itu berita-berita yang mengatakan bahawa perintah-perintah supaya ahli-ahli Perikatan (orang-orang UMNO) di dalam majlis itu sekali pun telah menelan tulang di lehernya terpaksa menurut kehendak atau perintah Yang Dipertuanya supaya menyetujui rang undang-undang dasar pelajaran yang baharu itu. Beginilah nampaknya

orang-orang Melayu yang meletakkan kepercayaannya kepada Perikatan dipimpin.

* * *

Melihat kejadian-kejadian yang tersebut di atas ini banyak orang tertanya-tanya sekarang apakah tanggungjawab ahli-ahli majlis mesyuarat undangan itu terhadap kepada rakyat yang memilihnya, mereka sudah tetap dipilih bukan hanya oleh ahli-ahli UMNO sahaja tetapi juga oleh yang lebih banyak iaitu rakyat jelata yang telah menerima janji-janji dari mereka itu. Perkara dasar pelajaran dan juga perkara jus soli ialah perkara yang mengenai kebangsaan – bukan maslahat UMNO dan Perikatannya sahaja. Kerana itu ahli-ahli mesyuarat yang dilantik oleh rakyat itu di dalam perkara-perkara yang mengenai maslahat kebangsaan adalah terletak di dalam keadaan meraikan kehendak pucuk pimpinan (Tengku Abdul Rahman) atau memegang amanah rakyat yang melantiknya. Di dalam keadaan yang serba salah inilah sekarang ahli-ahli majlis mesyuarat Melayu itu duduk di dalam majlis itu. Ini terbukti dengan adanya perbahasan di majlis mesyuarat federal baharu-baharu ini di dalam mana sekali pun mereka tidak suka tetapi terpaksa meraikan pucuk pimpinan kerana kalau membangkang akan kena marah dan sebaliknya rakyat harus mengutuk kepadanya kerana maslahat-maslahat bangsa Melayu “terjual” atau pun diserahkan bulat-bulat semata-mata kerana nampaknya terikut pada sesuatu perjanjian dengan orang lain. Kalau yang demikian itu berkepanjangan maka sebahagian besar orang-orang Melayu yakin dan percaya nanti satu-satu undang-undang umpamanya meluluskan kerakyatan jus soli dibawa ke majlis itu sudah tentu akan disahkan sebab orang-orang Melayu yang ada di majlis itu tidak berani mendirikan hak bangsa Melayu, tidak berdiri mempertahankan maslahat Melayu, kerana takut “dimarahi”

-sambungan pada muka 42

sambungan dari muka 7

Di sebalik itu orang-orang masih percaya bahawa tidak semua orang-orang Melayu di dalam UMNO sepengertian dengan pucuk pimpinan, yang demikian nampak daripada bantahan-bantahan dari Johor Bharu, Klang (Kluang) dan lain-lainnya di dalam perkara ini. Kalau sekiranya pucuk pimpinan dalam perkara ini bersifat “diktator” maka orang-orang Melayu mesti ingat bahawa bukannya sahaja orang Melayu telah beralah banyak tetapi akan memberi lebih banyak lagi akan hak-haknya. Harus tidak akan ada satu pun lagi hak-haknya yang ada ditangannya, semuanya akan dibolot oleh orang lain kerana ketulusan pucuk pimpinan di dalam perjuangan menegakkan “hak-hak bangsa Melayu”.

Rombongan merdeka Singapura yang berunding ke London itu nampaknya sudah gagal. Pucuk pimpinan yang banyak cakap itu kalau masa perginya tertawa membaca tanda-tanda tangan yang dikatakan ditulis daripada rakyat jelata dengan satu cara yang tak jujur, dalam masa yang akhir-akhir ini kelihatannya muram dan harus menangis menyampaikan hasratnya – bukan hasrat rakyat jati – kepada tujuan kemerdekaan di Singapura. Hari ini ia berkata begitu dan esoknya dibalik-balik lagi. Dengan cara yang demikian itu ketua rombongan itu dengan sendirinya telah menjatuhkan taraf dan maruahnyanya dan sebalik itu dengan adanya sifat-sifat yang demikian adakah orang-orang yang serupa ini boleh diharap untuk memimpin rakyat? Kita pulangkan hal yang demikian ini kepada umum penduduk Singapura. Biarlah masing-masing kita lihat apakah kesudahannya rombongan itu sedang yang kita ingat ialah seratus lima puluh ribu ringgit perbelanjaan ditanggung oleh rakyat.

Akhbar tempatan Melayu di Singapura nampaknya telah beriya-ya benar mengatakan bahawa persidangan penuntut-penuntut Asia - Afrika yang bakal bersidang di Bandung itu adalah sama sekali dimomokkan sebagai perhimpunan yang dianjurkan oleh orang-orang Komunis – ertinya bahawa persidangan penuntut-penuntut Asia – Afrika itu bukanlah anjuran Komunis. Cara berfikir daripada rakan kita itu di dalam perkara ini memang seperti biasa - pembaca-pembaca sendiri harus maklum aliran mana yang dicenderunginya dari masa ke masa.

Bagi orang yang membaca dan memerhatikan keadaan itu tentu cukup mengetahui bahawa adanya persidangan itu terbitnya daripada persidangan di Warsaw dahulu, di dalam mana sebuah pertubuhan yang menyertai itu menandatangani pernyataan bersama (statement). Sepulangnya di Indonesia tandatangan wakil itu dibantah kerana berlawanan dengan dasar tugas yang diberi kepadanya, dan kerana itulah maka tuntutan mahasiswa Islam menolak mentah-mentah akan penyertai persidangan itu, sebab alirannya dialirkan oleh puncak persidangan Warsaw yang dianjurkan oleh Komunis dahulu.

Ketika telah membaca di dalam majalah “Gema” majalah Suara Mahasiswa Indonesia Gadjah Mada, terbit di Jogja, yang menyatakan pihak Gadjah Mada sendiri menolak kehormatan yang diberi sebagai pucuk pimpinan atau mengetuai persidangan itu. Sebabnya tidak lain, bukannya sahaja mahasiswa-mahasiswa Islam yang menolak tetapi juga mahasiswa-mahasiswa kebangsaan sama menolak. Sebab aliran-aliran yang disalurkan di sana suaranya bukan bebas tetapi ditujukan kepada aliran blok-blok siasah yang sepatutnya tidak dicampuri oleh penuntut-penuntut yang bebas. Kita banyak mempunyai keterangan di dalam hal ini dan sebab itulah jangan terlampau berkokok kerana awak seorang sahaja sekarang sedang fikiran-fikiran yang

berlawanan dengan pendapat awak nampaknya dari satu masa ke satu masa dibendung dan tidak dikeluarkan - syabas. Inilah kewartawanan cara baharu – Bung!

Sebagai penutup ruangan ini, kita merasa mustahak memperingatkan orang Melayu tentang permainan “tutup ibu” yang dilakukan di dalam perkara tuntutan kerakyatan jus soli. Sidang pembaca tentu sudah melihat dan memerhati tentang kebijaksanaan orang-orang asing itu menjalankan siasatnya. Orang yang mengikuti akhbar melihat dengan nyata atau dengan tepat bahawa terbitnya atau hidupnya semula masalah jus soli itu sesudah ada ura-ura kerajaan British menghantarkan suruhanjaya ke Malaya. Aliran yang pertama yang cenderung sepanjang ingatan kita ialah dihidupkan oleh Sir Cheng Lock Tan seorang yang terkenal dari masa sebelum perang menghendaki berjalan tuntutan-tuntutan itu kemudian ia disambut oleh persekutuan-persekutuan Cina-Cina di Ipoh, lalu kemudiannya mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur dan beramai-ramai menutup mesyuarat itu dengan berseru “Hiduplah Republik Cina”. Kalau tidak ada angin masakan pokok bergoyang – ini adalah tanda-tanda hasrat yang tersimpan di dalam sanubari itu - di mana taat setia mereka. Sir Cheng Lock Tan apabila melihat reaction yang hebat dari orang-orang Melayu (masa itu belum ada siaran ibu pejabat UMNO kepada cabang-cabangnya) lalu mengubah haluannya dengan mengatakan bahawa yang demikian akan diserahkan kepada suruhanjaya itu nanti. Setelah itu berubahlah aliran-aliran tuntutan jus soli semakin kurang keluar di surat khabar kerana harus pemimpin-pemimpin orang Cina itu melihat bahayanya kalau diributkan sedang harus pula mereka akan dapat pengeluar bertarik di dalam rundingan dengan beberapa orang pemimpin UMNO yang berpengaruh yang dapat memaksa

orang-orang UMNO takluk kepada kehendak mereka.

Kejadian ini dengan sendirinya meletakkan Tengku Abdul Rahman dan pengikut-pengikutnya, di dalam satu imbalan dacing. Apabila ia nanti berat kepada anak-anak dagang maka kita percaya, sebagai yang telah berlaku, pengikut-pengikutnya akan bergerak untuk mengapikannya. Bahkan sebaliknya apabila ia berat kepada maslahat-maslahat yang sebenarnya bagi bangsa Melayu seperti yang umum dikehendaki oleh orang-orang Melayu maka dengan sendirinya ia akan memecahkan perikatannya dan terbitlah pertentangan-pertentangan yang bersalahan dengan aakuan janjinya.

Orang Melayu, sama ada di dalam UMNO dan diluarnya memandang bahawa perkara jus soli bukannya lagi masalah Perikatan tetapi masalah kebangsaan yang mustahak dipertahankan di dalam perpaduan seluruh bangsa Melayu. Dengan itu tidak hairan bahawa di mana-mana tempat di dalam UMNO sudah timbul sayap kirinya yang memerhati gerak-gerak ke mana mereka di bawa oleh pemimpin-pemimpin mereka. Zahir sekarang, menurut pendapat seorang ahli siasah Melayu yang bebas, perjalanan UMNO sekarang seperti perjalanan air laut di atasnya pasang deras sedang air di bawah surut, ertinya yang boleh kita fahamkan bahawa rupanya di dalam kemajuan dan mara ke hadapan tetapi di dalamnya telah ada hidup jiwa-jiwa reaksioner yang tidak mahu dibawa begitu sahaja oleh kehendak-kehendak pucuk pimpinan. Mudah-mudahan ini diperhati oleh pucuk pimpinan UMNO supaya perjalanannya sentiasa hampir kepada rakyat – tidak pimpinan di mana dan rakyat di mana.